

18/07/2002

Terserah SPR tentukan kempen beretika: PM

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menentukan tatacara kempen pada pilihan raya dijalankan secara beretika dan mengikut peraturan.

Perdana Menteri berkata, SPR sebagai badan yang bertanggungjawab dalam pengendalian dan perjalanan pilihan raya, boleh membuat teguran terhadap parti politik yang bertanding.

"Berdasarkan laporan akhbar hari ini, SPR ada membuat teguran kepada kedua-dua parti (Barisan Nasional dan Pas yang bertanding satu lawan satu dalam pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit)," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada peraturan yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi membendung kempen yang menggunakan taktik kotor, fitnah, memaki hamun dan serangan peribadi seperti berlaku sepanjang kempen lapan hari bagi pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit.

Perdana Menteri berpendapat SPR yang menyifatkan kempen pilihan raya di Pendang dan Anak Bukit sebagai 'kasar dan biadab' serta membuat teguran terhadap kedua-dua parti, menunjukkan suruhanjaya itu berkecuali dan tidak memihak kepada sesiapa.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, sebenarnya Umno yang mewakili BN dalam pilihan raya kecil itu amat tertib dan berdisiplin dalam kempen mereka.

"Kalau Umno pasang sepanduk dan benderanya di tempat Pas dan orang Pas menyerang, itu adalah reaksi yang tidak baik. Tetapi Umno memang berhak dan kita tidak tahan kalau Pas hendak pasang bendera," katanya, dipetik Bernama.

Jika dibandingkan Umno, katanya, bilangan sepanduk dan bendera Pas yang dipasang pada pilihan raya kecil itu didapati begitu banyak sekali.

"Saya pun hairan kerana ini semua (memerlukan) belanja besar, nampak kaya juga parti lawan ini," katanya.

Mengenai taktik kotor Pas yang menabur fitnah, mengedarkan poster beliau kononnya sebagai paderi besar Katolik dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penjual babi, memaki hamun, mencerca serta mengugut, Dr Mahathir berkata ia adalah tindakan buruk dan keji Pas yang sepatutnya ditolak masyarakat.

Beliau berkata masyarakat sepatutnya menolak cara sedemikian dan orang yang menganjurkan perbuatan berkenaan.

"Amat malang negara kita kalau rakyat menerima cara kotor ini dan menyokong mereka kerana dengan itu Malaysia akan menjadi sebuah negara yang tidak bermoral, tidak aman dan tenteram," katanya.

Mengenai pendedahan ada anggota Pas mengugut akan menceraikan isterinya jika mengundi BN dalam pilihan raya kecil itu, beliau berkata ia tidak sepatutnya berlaku kerana pemilihan yang dilakukan oleh pengundi itu seharusnya kepada kebolehan calon untuk menyumbang dan mewakili rakyat dengan baik.

Katanya, soal sokongan parti adalah politik semata-mata dan tidak ada kena mengena dengan soal peribadi, malah setiap orang berhak memilih siapa wakil mereka.

"Kalau bercerai semata-mata kerana isteri mempunyai pendirian politik yang lain, itu tidak sewajarnya berlaku dan itu adalah cara diktator,"

katanya.

Di PENDANG, Abdullah yang mengakui kempen sejak lapan hari lalu itu amat buruk, malah tidak perikemanusiaan termasuk mengaitkannya dengan babi, berkata kerajaan menyerahkan kepada SPR untuk mencari jalan bagaimana memastikan keadaan itu tidak berulang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, SPR sendiri menyedari perkara itu dan beliau percaya ia akan memikirkan cara terbaik untuk menghapus gejala seumpamanya.

"Saya percaya SPR tentu sekali memikirkan macam mana nak hapuskan kegiatan semacam ini, yang amat tak elok sekali. Saya pun rimas dan amat kesal dengan kegiatan ini," katanya selepas menemui penduduk di Kampung Pondok Chagar.

Pada sidang akhbar selepas majlis perjumpaan dengan veteran Umno dan pesara kerajaan di Sekolah Kebangsaan Gunung dekat Alor Star petang ini pula, Abdullah berkata kerajaan sedia menerima segala pandangan SPR untuk memperkenalkan peraturan baru menangani kempen tidak sihat.

Katanya, sebarang peraturan baru hendaklah dibuat tanpa menjejaskan amalan demokrasi ketika pilihan raya.

"Di satu pihak lagi, jika ia juga dapat mencegah atau menghalang tindakan kekerasan dan penipuan, kita boleh menerima. Kita pun boleh beri pandangan selepas kita buat 'post-mortem'," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah menyifatkan kempen kali ini agak teruk berbanding beberapa pilihan raya kecil sebelum ini.

"Saya sendiri sudah mengambil bahagian dalam banyak pilihan raya, tapi nampak kali ini teruk sikit dengan tindakan menyebarkan berita bohong.

"Depa kata saya pelihara babi, nak buat macam mana...itu satu perbuatan yang dianggap cukup keji, buat tuduhan yang bukan-bukan. Mereka bukan tak tahu, saya jadi pengerusi jawatankuasa memerangi penyakit virus JE untuk mengawal penyakit babi.

"Kita kena hapus wabak ini. Itu adalah satu amanah daripada kerajaan untuk mengawal penyakit yang berbahaya itu dan berjaya dihapuskan. Sepatutnya berterima kasihlah depa kepada saya," katanya.

Beliau berkata, tindakan mengedarkan risalah serta poster memaparkan gambar kononnya Dr Mahathir memakai jubah seperti Pope John Paul II agak keterlaluan.

"Takkan Dr Mahathir sampai macam itu, tapi depa tuduh juga, macam-macam buat cerita. Ini pembohong. Golongan yang macam ini tak berhak nak memimpin, tak berhak nak mengambil bahagian dalam pilihan raya yang macam ini kerana kerja mereka kerja membohong, sama juga dengan kerja buat fitnah, suruh orang kelahi, bergaduh.

"Orang Islam tak buat kerja macam itu. Orang Islam orang yang baik, bercakap dengan baik, elok. Serulah kepada perkara yang baik, bukan seru yang tak baik, menyebabkan keadaan kacau-bilau, kelam-kabut. Saya pun rimas juga dengan cara berkempen ini.

"Orang yang suka bohong ini, dia orang tak hormat rakyat biasa. Dia ingat rakyat boleh dibohong, tak hormat kepada orang kampung, suruh orang kampung percaya," katanya.

Abdullah berkata, sifat seperti itu tidak melayakkan mereka untuk berusaha mencari pengaruh dan sokongan, malah negara akan hancur jika mereka memimpin kerajaan.